

17 OCT 1999

Ilmu

KERAJAAN PENTINGKAN USAHA MELAHIRKAN PEKERJA YANG BERILMU

SARIKEI, 17 Okt (Bernama) -- Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata kerajaan amat mementingkan usaha bagi melahirkan pekerja yang berilmu pengetahuan kerana dalam era baru, masyarakat akan berhadapan dengan pelbagai cabaran.

Menurutnya dalam melakukannya, adalah penting negara mampu menentukan arah dan tujuannya daripada membiarkan takdir menentukannya.

Mempunyai pekerja yang berpengetahuan adalah syarat wajib bagi memastikan tujuan itu dapat dilakukan dengan baik, katanya dalam ucapannya pada majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara Kolej Chermai Jaya dan sebuah syarikat tempatan, Listari Idaman Sdn Bhd bagi mendirikan kampus cawangan di sini.

Teks ucapannya dibacakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding. Najib tidak dapat hadir kerana menjadi menteri pengiring kepada Sultan Brunei Sultan Hassanah Bolkiah yang melakukan lawatan rasmi ke Kuala Lumpur.

Najib berkata menerusi kursus berorientasikan teknologi yang berterusan serta sistem bertindak pelajaran mampu melahirkan masyarakat yang berpengetahuan.

Untuk tujuan itu katanya kerajaan dan sektor swasta perlu bekerja rapat.

Najib berkata peruntukan mengenai insentif menarik dan mencukupi adalah tanda kerajaan menghargai usaha-usaha yang dilakukan oleh sektor swasta.

Mengenai penubuhan kolej itu, beliau berkata ia berteepatan kerana setiap tahun tidak kurang daripada 9,000 pelajar dari Bahagian Sarikei dan persekitarannya menduduki peperiksaan SPM dan mencari peluang melanjutkan pelajaran berdekatan rumah mereka.

Kolej itu yang berasaskan Teknologi Maklumat serta pertanian itu juga selari dengan visi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membangunkan sepenuhnya potensi pertanian negara dan usaha Kerajaan Negeri Sarawak bagi mengeksploitasikan tanah yang subur dan dataran Rejang dalam bahagian itu.

Pada majlis itu, Listari Idaman diwakili oleh pengarahnya Abang Alli Abang Rani manakala Kolej Chermai Jaya diwakili ketua eksekutifnya Ismail Yusof.

Turut hadir ialah Menteri Muda Alam Sekitar Datuk David Teng Lung Chi yang mewakili Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri Datuk Adenan Satem.

-- BERNAMA

ESS LAT